

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [ Silam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan selepas penstrukturan ESSCOM adakah kerajaan melihat isu jenayah rentas sempadan dapat diatasi dan apakah kerjasama diantara Malaysia dan Filipina dalam mengatasi jenayah rentas sempadan ini.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Arahan Eksekutif No.1 telah memperkemaskan struktur organisasi, fungsi dan kawalan pemerintahan di ESSZONE. Tindakan proaktif dalam meningkatkan keselamatan di kawasan ESSZONE melalui perisikan dan operasi bersepadu oleh semua agensi telah mula menghasilkan cegah rintang yang ketara. Kadar jenayah rentas sempadan telah dapat dikurangkan ketika tempoh penstrukturan semula dilaksanakan hingga ke hari ini.

Kerjasama antara Malaysia dan Filipina dalam meningkatkan keselamatan di ESSZONE adalah penting namun demikian pada masa ini tiada kerjasama keselamatan dua hala secara rasmi seperti *High Level Committe* atau *General Border Committee* diwujudkan. Kerjasama di peringkat operasi wujud dan telah dioptimumkan.

Untuk makluman, ESSCOM juga telah menjalinkan hubungan kerjasama perisikan dengan Western Mindanao Command (Westmincom) dan Presidential Anti-Organized Crime Commission secara rapat. ESSCOM juga telah mengadakan lawatan hubungan kerja ke Manila untuk berjumpa dan berbincang berhubung isu-isu yang melibatkan jenayah rentas sempadan pada 4 sehingga 6 Mei 2014.

Rondaan antara APMM, Coast Guard Filiphine (PHIMAL) dan antara tentera laut kedua negara (MALPHI) tertangguh sejak beberapa tahun yang lepas akibat kekangan kewangan di pihak Filipina. Usaha sedang dibuat untuk mewujudkan semula inisiatif ini melalui saluran sedia ada.

Sekian. Terima kasih.